




**KURIKULUM STANDARD
PRASEKOLAH KEBANGSAAN
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PENDENGARAN)**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Kandungan

Muka Surat

Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	v - vi
Visi, Matlamat dan Objektif KSPK PK (Masalah Pendengaran)	vii
Rekabentuk Kurikulum	viii
Teori Pembelajaran yang dijadikan Fokus, Tunjang Kurikulum	ix
Penekanan Kurikulum Jangkamasa Persekolahan Sekolah Rendah	x
Organisasi Kurikulum	xi
Peruntukan Masa Pembelajaran dan pengajaran	xii - xiv
Standard Pentaksiran	xvi
Standard Pembelajaran dan pengajaran	xvii - xviii
Tunjang Komunikasi	1-13
- Bahasa Isyarat Komunikasi Seluruh	1
- Bahasa Malaysia	5
- Bahasa Inggeris	13
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai : Agama	19
Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai : Pendidikan Moral	24
Tunjang Kemanusiaan	27
Tunjang Literasi Sains dan Teknologi	30
Tunjang Fizikal dan Estetika : Kreativiti	37
Tunjang Fizikal dan Estetika :Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan	41
Tunjang Ketrampilan : Perkembangan Sosioemosi	48



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDIDIKAN PRASEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PENDENGARAN)
VISI DAN MATLAMAT

Pendidikan Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) bertujuan menyuburkan potensi kanak-kanak berkeperluan khas dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dalam keadaan semulajadi (*Nurture and not mould*).

Pendidikan Prasekolah meletakkan asas kepada proses pembinaan konsep sendiri yang positif serta modal insan negara dan bukan semata-mata menyediakan murid ke Tahun 1.

Pendidikan Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan, seronok dan *engaging* kepada kanak-kanak berumur 4+ - 6+ tahun demi membantu mereka membentuk kesedaran, kemahiran dan keyakinan untuk berjaya dalam persekitaran sedia ada dan menangani cabaran dan tanggungjawab dalam sekolah rendah kemudian.

OBJEKTIF

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) menyediakan peluang kepada murid berumur 4+ - 6+ tahun untuk mencapai objektif berikut:

Jasmani:

- Mempunyai tubuh badan yang sihat.
- Mempunyai kecerdasan dan kemahiran fizikal.
- Mempraktikkan amalan kesihatan yang baik.
- Mempraktikkan langkah-langkah keselamatan yang baik.
- Menguasai kemahiran psikomotor asas - kemahiran motor halus dan motor kasar.

Emosi:

- Mempunyai konsep sendiri yang positif.
- Mempunyai keyakinan diri.
- Mempunyai jati diri.

- Berani mencuba.
- Mempunyai kematangan emosi.
- Menghormati perasaan dan hak orang lain.
- Bekerja secara bersendirian.

Rohani:

- Mengamalkan nilai murni.
- Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid yang beragama Islam.

Intelek:

- Berkomunikasi dengan baik (*membaca, menulis dan berkomunikasi seluruh*) menggunakan bahasa Malaysia.
- Berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Inggeris.
- Memperolehi kemahiran proses sains asas.
- Memperolehi kemahiran matematik asas.
- Memperolehi kemahiran berfikir asas dan kemahiran menaakul.
- Memperolehi kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.
- Mempunyai daya kreatif dan estetika.
- Menghargai keindahan alam dan warisan budaya.

Sosial:

- Berkebolehan berkomunikasi seluruh yang mantap.
- Membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya.
- Menyampaikan pandangan dan perasaan.
- Bekerjasama dengan orang lain.

REKABENTUK KURIKULUM

- Menggunakan *body of knowledge* sebagai asas (Standard Pembelajaran dalam enam Tunjang)
- Isu kehidupan seharian terkini (bertema, pembelajaran dan pengajaran secara bersepadu)

TEORI PEMBELAJARAN YANG DIJADIKAN FOKUS

- Konstruktivisme (murid membina pengetahuan sendiri, pengajaran bukan secara disudukan, beri peluang kepada murid untuk berfikir dan menyelesaikan masalah, guru mengajar dengan mengaitkan pengalaman murid, murid belajar mengikut kadar yang berlainan).


TUNJANG KURIKULUM

Enam Tunjang Pembelajaran:

1. Komunikasi
2. Kerohanian, Sikap dan Nilai
3. Kemanusiaan
4. Literasi Sains dan Teknologi
5. Fizikal dan Estetika
6. Keterampilan Diri



PENEKANAN KURIKULUM DAN JANGKAMASA PERSEKOLAHAN SEKOLAH RENDAH



Rajah 2

ORGANISASI KURIKULUM

Dua ciri utama Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) adalah kurikulum berasaskan standard dan kurikulum berbentuk modular.

Kurikulum Berasaskan Standard

Kurikulum Prasekolah Pendidikan Khas Kebangsaan (Masalah Pendengaran) dibangunkan berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Tujuan utama penetapan standard adalah untuk ekuiti dan kualiti. Ekuiti membawa maksud bahawa semua kanak-kanak perlu diberi peluang pendidikan yang sama, kualiti membawa maksud bahawa semua kanak-kanak perlu diberi pendidikan yang berkualiti. Lantaran matlamat kurikulum berasaskan standard adalah untuk memberi pendidikan berkualiti yang sama kepada semua kanak-kanak.

DEFINISI

Standard Satu penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pencapaian.

Standard Kandungan merupakan pernyataan spesifik tentang perkara yang kanak-kanak patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan. Ia merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran merupakan satu penetapan kriteria atau indikator pencapaian dalam bentuk objektif tingkahlaku (behavioural) untuk memastikan pencapaian setiap standard kandungan.

Kurikulum Berbentuk Modular

Kurikulum yang berbentuk modular merupakan satu kurikulum yang kandungannya diorganisasikan dan seterusnya disampaikan dalam bentuk bahagian atau unit. Bahagian atau unit ini dinamakan modul.

Dua jenis modul diwujudkan, iaitu Modul Asas dan Modul Bertema.

Modul Asas terdiri daripada Komponen Bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Isyarat Komunikasi), Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Perkembangan Fizikal dan Matematik. Waktu yang Khas diperuntukan untuk

pengajaran ini. Modul Bertema merupakan modul bersepadu yang merangkumi unsur-unsur dalam keenam-enam tunjang dan juga unsur kreatif, kritis dan inovatif.

PERUNTUKAN MASA UNTUK PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM PRASEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

Peruntukan waktu minimum mengikut *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Peraturan Prasekolah Kebangsaan) 2002 mengikut Seksyen 24 Akta Pendidikan 1996* masih kekal seperti berikut:

1. Pembelajaran dan pengajaran untuk Kurikulum Prasekolah Pendidikan Khas Kebangsaan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya tiga jam sehari setiap hari persekolahan.
2. Jika bahasa pengantar di sesuatu tadika adalah selain daripada Bahasa Kebangsaan maka Bahasa Kebangsaan hendaklah diajar sekurang-kurangnya dua jam seminggu.
3. Jika bahasa pengantar di sesuatu tadika adalah Bahasa Kebangsaan maka Bahasa Inggeris hendaklah diajar sekurang-kurangnya dua jam seminggu.
4. Jika di dalam sesuatu tadika terdapat lima orang kanak-kanak atau lebih (seorang kanak-kanak berkeperluan khas) yang menganut agama Islam, maka kanak-kanak itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang bertauliah, sekurang-kurangnya dua jam seminggu.
5. Jika di dalam sesuatu tadika terdapat lima orang kanak-kanak atau lebih (seorang kanak-kanak berkeperluan khas) yang bukan beragama Islam, maka kanak-kanak itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Moral sekurang-kurangnya dua jam seminggu.

Jadual 1 memberi cadangan peruntukan waktu untuk Modul Asas dan Modul Bertema. Jadual 2 memberi cadangan tentang Jadual Waktu Tentatif pembelajaran dan pengajaran.

**Jadual 1: Cadangan Peruntukan Masa untuk Pembelajaran dan pengajaran
Kelas Prasekolah Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)**

Bil	Modul Teras Asas	Peruntukan Masa (minit/hari)	Peruntukan Masa Seminggu
1	Rutin	10 x 5	50
2	Perbualan Pagi	20 x 5	100
2	Rehat (doa, makan, memberus gigi, permainan bebas)	30 x 5	150
3	Refleksi sebelum balik	10 x 5	50
4	Bahasa Malaysia	150	150
5	Bahasa Inggeris	60	60
6	Pendidikan Islam/Moral	120	120
7	Bahasa Isyarat Komunikasi	150	150
8	Permainan Luar/ Perkembangan Fizikal	100	100
9	Matematik	90	90
Modul Teras Tema			
10	Modul Bersepadu merangkumi elemen-elemen dalam 6 tunjang dan unsur kreatif, kritis dan inovatif (sosioemosi, kemanusiaan dan kreativiti, sains awal pendengaran dan pertuturan)	230	230
	JUMLAH	1200	1200

NOTA: Kanak-kanak yang berada di dalam Program Inklusif, bagi menjalankan Standard Kurikulum yang mengandungi kemahiran khas, Guru Resos akan memainkan peranan mengajar kanak-kanak khas.

**Jadual 2: JADUAL WAKTU TENTATIF PRASEKOLAH
SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PENDENGARAN)**

Hari/ Masa	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
10 minit	R	U	T	I	N
20 minit	Perbualan Pagi				
30 minit	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Fizikal)	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Fizikal)	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Fizikal)	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Fizikal)	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Fizikal)
40 minit	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)
40 minit	Tunjang Komunikasi (Bahasa Isyarat Komunikasi)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Isyarat Komunikasi)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Isyarat Komunikasi)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Isyarat Komunikasi)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Isyarat Komunikasi)
30 minit	R	E	H	A	T
30 minit	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai (Pendidikan Islam/Moral)	Tunjang Literasi Sains dan Teknologi (Matematik)	Tunjang Literasi Sains dan Teknologi (Sains)	Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai (Pendidikan Islam/Moral)
30 minit	Tunjang Komunikasi (English) Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Kreativiti)	Tunjang Literasi Sains dan Teknologi (Matematik) Tunjang Komunikasi (English)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia) Tunjang Ketrampilan Diri (Sosioemosi)	Tunjang Fizikal dan Kreativiti (Kreativiti) Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia)	Tunjang Komunikasi (Bahasa Malaysia) Tunjang Kemanusiaan
10 minit	REFLEKSI				

BAHAN RUJUKAN YANG DIPERLUKAN

- Buku Bahasa Malaysia Kod Tangan Jilid 1

- Buku Bahasa Isyarat Malaysia
- *Signing Exact English*
- *American Sign Language Dictionary*
- *The Comprehensive Signed English Dictionary*

STANDARD PENTAKSIRAN

Standard Pentaksiran A: Kaedah pentaksiran

Kaedah pentaksiran yang digunakan adalah seperti berikut:

- Pemerhatian berterusan.
- Penilaian hasil kerja.
- Penilaian berterusan.
- Senarai semak.

Standard Pentaksiran B: Kekerapan menjalankan pentaksiran

Pentaksiran dijalankan sepanjang masa.

Standard Pentaksiran C: Ciri-ciri pentaksiran

Pentaksiran dijalankan hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut:

- Penilaian secara menyeluruh.
- Perkara yang dinilai merangkumi penerapan sikap, penguasaan kemahiran, status kesihatan, kesediaan sosial.
- Penilaian berasaskan kriteria dan bukan perbandingan antara kanak-kanak.
- Laporan pentaksiran perlu disediakan dalam bentuk profil/folio kanak-kanak.
- Proses dan kaedah pentaksiran tidak terlalu rumit.

Standard Pentaksiran D: Penggunaan hasil pentaksiran

Guru menggunakan hasil pentaksiran dalam merancang tindakan susulan untuk membantu meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran.

STANDARD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Standard pembelajaran dan pengajaran menerangkan apa yang perlu diketahui dan dilakukan oleh guru prasekolah semasa pembelajaran dan pengajaran.

Standard A: Pendekatan pembelajaran dan pengajaran

- Pendekatan berikut hendaklah diamalkan dalam pembelajaran dan pengajaran prasekolah:
 - Pembelajaran berpusatkan murid.
 - Inkuiri penemuan.
 - Belajar melalui bermain.
 - Bersepadu.
 - Bertema.
 - Berasaskan projek.
 - Pembelajaran Masteri (contohnya dalam pengenalan huruf, membaca) .
 - Pembelajaran Kontekstual (menggunakan pengalaman murid, alam persekitaran kanak-kanak).
 - *Multiple intelligence*.

- Pendekatan pembelajaran dan pengajaran murid mengambil kira kebolehan dan aras perkembangan kognitif kanak-kanak.

- Pendekatan pembelajaran dan pengajaran mengambil kira teori perkembangan kanak-kanak.

- Pendekatan pembelajaran dan pengajaran memberi perhatian kepada keperluan individu kanak-kanak.

- Pendekatan pembelajaran dan pengajaran menghormati kanak-kanak.

- Pendekatan pembelajaran dan pengajaran kira keadaan setempat.

Standard B: Persekitaran pembelajaran dan pengajaran

- Guru Prasekolah perlu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran.
- Guru Prasekolah perlu menyediakan persekitaran yang selamat, selesa dan mesra dalam kelas.
- Guru Prasekolah perlu mewujudkan pusat-pusat pembelajaran dalam kelas prasekolah.
- Guru Prasekolah perlu melengkapkan pusat pembelajaran dengan bahan yang sesuai dan mencukupi.

Standard C: Perancangan Pembelajaran dan pengajaran

- Perancangan pembelajaran dan pengajaran hendaklah berpusatkan murid.
- Menekankan kepada pendekatan yang bercirikan inkuiri penemuan.
- Penekanan kepada pendekatan yang bercirikan belajar melalui bermain.

Standard D: Pentaksiran Berterusan

Standard E: Penglibatan Ibu bapa

- Guru perlu mengaturkan perjumpaan dengan ibu bapa secara berkala.
- Pihak sekolah dan guru perlu menjalinkan perhubungan yang baik dengan ibu bapa/penjaga melalui pelbagai cara.
- Pihak sekolah dan guru perlu melibatkan guru dalam aktiviti sekolah.
- Guru perlu memberi penerangan tentang kurikulum prasekolah kepada ibu bapa.
- Pada masa yang sesuai, pihak sekolah dan guru boleh mengaturkan sesi pendidikan keibubapaan kepada ibu bapa, memberi nasihat kepada ibu bapa berkaitan dengan pendidikan anak.
- Ibu pejabat KPM, KEMAS, JPNIN dan lain-lain perlu memberi sokongan dan bantuan kepada guru melalui kaedah berikut:
 - ▶ Menganjurkan program yang berkaitan dengan keibubapaan dan penglibatan ibu bapa dalam prasekolah.
 - ▶ Menyediakan risalah tentang keibubapaan
 - ▶ Menyediakan *Outreach* program.

**KURIKULUM PRASEKOLAH KEBANGSAAN
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PENDENGARAN)**

**KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PENDENGARAN)**

TUNJANG KOMUNIKASI- BAHASA ISYARAT KOMUNIKASI (BIK)

Selepas mengikuti aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Komunikasi, murid boleh memahami dan menyatakan apa yang diisyaratkan, berkomunikasi seluruh yang betul dengan bahasa yang bertatasusila, membaca dan menceritakan isi bacaan sesuai dengan peringkat perkembangan murid serta menjelmakan bahasa isyarat ke bentuk penulisan perkataan dan ayat mudah dengan betul

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
<p>KOMUNIKASI</p> <p>(BIK 1): Kemahiran Berkomunikasi</p>	<p>(BIK 1.1) Memberi tumpuan kepada Komunikasi seluruh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menguasai kemahiran Psikomotor Halus. - Menguasai kemahiran koordinasi mata tangan. - Pergerakkan seluruh anggota badan. 	<p>(BIK 1.1.1) Latihan kelembutan jari dan tangan menggunakan aktiviti :- Meramas, menggentel, mengoyak, mencubit, menguli, memicit, merenyuk, melipat, menguntai, menjentik, dan merenjis.</p> <p>(BIK 1.1.2) Koordinasi Mata – Tangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat pergerakan tangan mengikut arah. ii. Mengawal pergerakan mata – tangan dengan betul. <p>(BIK 1.1.3) Anggota badan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat pergerakan menggunakan seluruh anggota badan seperti – permainan fizikal, pergerakan alam semulajadi, haiwan dan tumbuhan.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(BIK 2): Kemahiran Berkomunikasi Seluruh	<p>(BIK 2.1) Memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa isyarat.</p> <p>- Mengenal isyarat kod tangan huruf-huruf konsonan.</p> <p>- Mengenal isyarat kod tangan bagi huruf vokal</p>	<p>(BIK 2.1.1) Menggunakan kod tangan bagi huruf konsonan sebagai asas isyarat yang mudah.</p> <p>(BIK 2.1.2) Menggunakan kod tangan bagi huruf vokal sebagai asas bahasa isyarat yang mudah.</p> <p>(BIK 2.1.3) Memberi gerak balas terhadap bunyi, lagu, lakonan atau cerita.</p> <p>(BIK 2.1.4) Memberi gerak balas dan boleh berinteraksi secara memerhati dan meniru isyarat kod tangan.</p> <p>(BIK 2.1.5) Menamakan huruf dari a hingga z mengikut turutannya dengan menggunakan isyarat kod tangan.</p> <p>(BIK 2.1.6) Mengecam dan membezakan kod-kod isyarat huruf yang ditunjukkan secara rawak.</p> <p>(BIK 2.1.7) Mengeja nama sendiri dengan isyarat kod tangan.</p> <p>(BIK 2.1.8) Mengeja perkataan dengan isyarat kod tangan.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(BIK 2.2) Menggunakan isyarat kod tangan untuk: <ul style="list-style-type: none"> - Bahan maujud - Gambar bercetak - Perkataan 	(BIK 2.2.1) Menamakan bahan maujud / gambar dengan isyarat kod tangan yang betul. (BIK 2.2.2) Menggunakan isyarat kod tangan bagi perkataan bermakna berdasarkan gambar bercetak. (BIK 2.2.3) Mengeja huruf dalam perkataan menggunakan isyarat kod tangan untuk perkataan mudah berdasarkan tema. (BIK 2.2.4) Berbual, bercerita dengan perkataan yang mudah menggunakan isyarat kod tangan, ekspresi muka dan gerak badan yang sesuai.
(BIK 3): Pertuturan	(BIK 3.1) Kemahiran Pra Pertuturan	(BIK 3.1.1) Latihan Kawalan Pernafasan: <ol style="list-style-type: none"> i. Melakukan aktiviti meniup dan menyedut. ii. Mengawal pernafasan dengan betul. (BIK 3.1.2) Latihan pergerakan lidah dan bibir: <ol style="list-style-type: none"> i. Menyebut bunyi yang dihasilkan melalui percantuman bibir. (BIK 3.1.3) Latihan menghasilkan suara dan bunyi: <ol style="list-style-type: none"> i. Bunyi vokal. ii. Bunyi konsonan. iii. Bunyi perkataan.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(BIK 3.2) Kemahiran Bertutur	(BIK 3.2.1) Penekanan kepada: i. Kontak mata ii. Imitasi (ajuk) iii. Tumpuan
	(BIK 3.3) Kemahiran Mendengar	(BIK 3.3.1) Kesedaran terhadap bunyi persekitaran (BIK 3.3.2) Mengenal dan bertindak balas terhadap bunyi Persekitaran
(BIK 4): Ekpresi	(BIK 4.1) Emosi, Minat, Bakat	(BIK 4.1.1) Melahirkan emosi dan mengembangkan minat serta bakat.

TUNJANG KOMUNIKASI- BAHASA MALAYSIA (BM)

Selepas mengikuti aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Komunikasi, murid boleh mendengar/memahami dan menyatakan apa yang didengar/yang diisyaratkan, bertutur dengan sebutan atau berkomunikasi seluruh yang betul dan bahasa yang bertatasusila, membaca dan menceritakan isi bacaan sesuai dengan peringkat perkembangan murid serta menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
<p>(BM 1): Kemahiran Mendengar/berkomunikasi</p>	<p>(BM 1.1) Mendengar dengan penuh perhatian/memberi tumpuan kepada bahasa isyarat</p> <p>Ucap Selamat: Selamat Pagi, Selamat petang</p> <p>Ucapan bertatasusila: terima kasih, maafkan saya</p>	<p>(BM 1.1.1) Bertindak balas terhadap ucapan selamat yang bertatasusila dengan bimbingan mudah/memahami bahasa isyarat yang mudah.</p> <p>(BM 1.1.2) Mendengar (melihat), memahami dan bertindak balas terhadap arahan yang mudah.</p> <p>(BM 1.1.3) Menyedar dan memberi gerak balas terhadap suasana persekitaran seperti objek, perbuatan atau peristiwa.</p> <p>(BM 1.1.4) Memahami peraturan yang mudah.</p> <p>(BM 1.1.5) Mengecam dan membezakan pelbagai jenis bunyi persekitaran.</p> <p>(BM 1.1.6) Mengecam dan membezakan intonasi suara tinggi dengan rendah.</p> <p>(BM 1.1.7) Mendengar dan memberi gerak balas terhadap arahan, permintaan, perbualan, cerita, lakonan atau lagu.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(BM 1.2) Mendengar dan mengecam bunyi perkataan/Mengecam kod-kod isyarat perkataan	(BM 1.2.1) Mengecam perkataan dengan bunyi suku kata awal yang sama (BM 1.2.2) Mengecam perkataan dengan bunyi awal yang berbeza. (BM 1.2.3) Mengecam bunyi suku kata akhir yang sama. (BM 1.2.4) Mengecam bunyi suku kata akhir yang berbeza.
(BM 2): Kemahiran Bertutur/ Kemahiran Berkomunikasi	(BM 2.1) Berinteraksi dengan mesra.	(BM 2.1.1) Berbual dengan sebutan yang betul. Berkomunikasi dalam kod isyarat yang betul. (BM 2.1.2) Berinteraksi secara sopan dan bertatasusila dengan bimbingan i. Mengikut giliran. ii. Mengikut situasi. iii. Mengikut peringkat umur. (BM 2.1.3) Berbual menggunakan ayat yang mudah dengan sebutan yang betul. i. Memperbanyakkan penggunaan kosa kata semasa berkomunikasi dalam isyarat kod tangan (BM 2.1.4) Menyatakan permintaan dengan sopan (BM 2.1.5) Memberikan arahan kepada rakan secara bertatasusila.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(BM 2.2) Merangsang pertuturan melalui soal jawab dengan menggunakan komunikasi seluruh.	(BM 2.2.1) Mengulangi semula soalan rangsangan daripada guru dengan menggunakan sebutan/ komunikasi seluruh yang betul. (BM 2.2.2) Bersoal jawab tentang tema, minat dan situasi semasa. (BM 2.2.3) Bersoal jawab secara spontan. (BM 2.2.4) Menjawab soalan dengan tepat. (BM 2.2.5) Bersoal jawab secara bersopan. (BM 2.2.6) Menjawab soalan secara kreatif.
	(BM 2.3) Melafazkan puisi dengan intonasi yang betul dengan komunikasi seluruh yang betul. (BM 2.4) Menceritakan apa yang didengar (dilihat) semula / komunikasi seluruh	(BM2.3.1) Melafazkan pantun dengan berirama. (BM2.3.2) Melafazkan pantun dengan intonasi yang betul berkomunikasi seluruh: i. Pantun dua kerat ii. Pantun empat kerat (BM 2.3.3) Melafazkan/Berkomunikasi seluruh sajak mudah/ringkas. (BM 2.4.1) Bercerita berdasarkan situasi yang sebenar dengan menggunakan kod isyarat yang betul (BM 2.4.2) Menceritakan semula apa yang didengar/ dilihat dengan menggunakan kod isyarat yang betul.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(BM 2.5) Melakonkan watak-watak atau main peranan mengikut situasi.	(BM 2.5.1) Main peranan mengikut situasi menggunakan bahasa yang sesuai untuk menghidupkan watak tersebut..
(BM 3): Kemahiran Membaca	(BM 3.1) Mengenal bentuk huruf dan menyatakan kod isyarat huruf	<p>(BM 3.1.1) Mengecam dan menyebut huruf (kod isyarat) mengikut turutan.</p> <p>(BM 3.1.2) Mengaitkan bentuk huruf dengan objek di persekitaran. (Contoh: bentuk "O" dengan bola, bentuk "Z" dengan anak tangga)</p> <p>(BM 3.1.3) Menyebut huruf (kod isyarat) mengikut turutan dan secara rawak.</p> <p>(BM 3.1.4) Mengenal dan membezakan bentuk huruf kecil dan huruf besar.</p> <p>(BM 3.1.5) Memadankan huruf kecil dan huruf besar.</p>
	(BM 3.2) Mengenal huruf vokal.	<p>(BM 3.2.1) Menyebut huruf vokal.</p> <p>(BM 3.2.2) Membunyikan huruf vokal.</p> <p>(BM 3.2.3) Mengenalpasti huruf vokal yang terdapat dalam perkataan.</p>
	(BM 3.3) Mengenal huruf konsonan.	<p>(BM 3.3.1) Menyebut huruf konsonan.</p> <p>(BM 3.3.2) Membunyikan huruf konsonan dengan menggunakan komunikasi seluruh.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(BM 3.3.3) Mengecam dan menyebut huruf konsonan dengan menggunakan komunikasi seluruh.</p> <p>(BM 3.3.4) Mengecam dan menyebut huruf konsonan di awal perkataan yang ditunjukkan dengan menggunakan komunikasi seluruh. Contoh : kaki = k</p>
	<p>(BM 3.4) Membina dan membaca sukukata/dengan menggunakan komunikasi seluruh</p>	<p>(BM 3.4.1) Membunyikan sukukata hasil gabungan huruf konsonan dan huruf vokal (KV) dengan cara gerakan bibir.</p> <p>(BM 3.4.2) Mencantumkan dua sukukata (KV+KV) dalam satu perkataan.</p> <p>(BM 3.4.3) Membunyikan sukukata terbuka (VKV) dengan cara gerakan bibir.</p> <p>(BM 3.4.4) Membunyikan sukukata tertutup (KVK) dengan cara gerakan bibir.</p> <p>(BM 3.4.5) Membaca tiga suku kata terdiri daripada (KV+KV+KV) dengan cara gerakan bibir.</p>
	<p>(BM 3.5) Membaca perkataan.</p>	<p>(BM 3.5.1) Membunyikan dua sukukata (KV+KV) untuk menjadi perkataan.</p> <p>(BM 3.5.2) Membunyikana perkataan(KVK) dengan cara membaca gerak bibir. Contoh : Pin</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(BM 3.5.3) Membunyikan dua suku kata (V+KV) untuk membentuk perkataan. Contoh : ibu.</p> <p>(BM 3.5.4) Membunyikan dua sukukata (V+KVK) untuk menjadi perkataan. Contoh: Emak</p> <p>(BM 3.5.5) Membunyikan dua sukukata KV +KVK untuk membentuk perkataan. Contoh : Kakak.</p> <p>(BM 3.5.6) Membunyikan dua sukukata KVK + KV untuk menjadi perkataan. Contoh: Jambu.</p> <p>(BM 3.5.7) Membunyikan dua suku kata KVK+KVK untuk membentuk perkataan. Contoh : Sampan.</p> <p>(BM 3.5.8) Membunyikan dua sukukata (KV+VK) untuk menjadi perkataan. Contoh: maaf, buah</p> <p>(BM 3.5.9) Membunyikan dua suku kata VK+KV untuk membentuk perkataan. Contoh: Unta</p> <p>(BM 3.5.10) Membaca perkataan daripada dua sukukata (KV+KV). Contoh: Buku, Bola</p>
	(BM 3.6) Membaca frasa	(BM 3.6.1) Membaca frasa yang terdiri daripada dua perkataan (KV+KV)+(KV+KV) Contoh: gigi saya, baju baru, jalan raya
	(BM 3.7) Membaca ayat tunggal	(BM 3.7.1) Membaca ayat tunggal yang mudah dengan bimbingan (KV+KV). Contoh: Buku saya.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	yang mudah.	(BM 3.7.2) Membaca ayat tunggal yang mudah yang terdiri daripada perkataan VKV. Contoh: Ini ubi.
	(BM 3.8) Membaca ayat dalam konteks.	(BM 3.8.1) Mengenal tanda baca(koma,noktah, tanda soal, tanda seru) di dalam ayat atau perenggan. (BM 3.8.2) Membaca ayat-ayat dalam konteks dengan intonasi yang betul dengan menggunakan komunikasi seluruh (membaca gerakan bibir dan kod isyarat)
	(BM 3.9) Memahami bahan yang dibaca.(Bahan bacaan:buku cerita, risalah, majalah, suratkhabar,gambar)	(BM 3.9.1) Menceritakan semula bahan yang dibaca secara lukisan atau secara lisan dengan bimbingan (isyarat kod tangan). (BM 3.9.2) Menjawab soalan secara lisan berdasarkan bahan yang telah dibaca (isyarat kod tangan).
	(BM 3.10) Mengetahui cara membaca buku yang betul (prabaca)	(BM 3.10.1) Mengamalkan penjagaan buku dengan cara yang betul dengan bimbingan. (BM 3.10.2) Membaca nama judul buku, pengarang dan penerbit serta bilangan muka surat (BM 3.10.3) Memegang buku dengan cara dan jarak yang betul. (BM 3.10.4) Menyatakan cara menjaga buku dengan betul.
	(BM 3.11) Mengamalkan tabiat membaca.	(BM 3.11.1) Membaca buku cerita yang menarik dan sesuai dengan peringkat umur dengan bimbingan guru.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Malaysia	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(BM 3.11.2) Membaca buku cerita yang menarik dan sesuai daripada pelbagai tema.</p> <p>(BM 3.11.3) Menceritakan bahan yang dibaca melalui pelbagai cara seperti lakonan, main peranan dan nyanyian.</p>
(BM 4) Kemahiran Menulis	<p>(BM 4.1) Pratuluis * Nota: Pastikan aktiviti koordinasi mata-tangan kemahiran motor halus yang terdapat di Tunjang Fizikal dan Estetika telah dilaksanakan.</p>	<p>(BM 4.1.1) Melakukan aktiviti pergerakan tangan dan jari seperti membuka dan menggenggam tapak tangan.</p> <p>(BM 4.1.2) Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menconteng/ mewarna.</p> <p>(BM 4.1.3) Mengkordinasikan pergerakan mata-tangan melalui lakaran bentuk, corak dan garisan secara bebas.</p> <p>(BM 4.1.7) Melakukan pergerakan mata-tangan mengikut arah yang betul.</p>
	<p>(BM 4.2) Menguasai kemahiran menulis.</p>	<p>(BM 4.2.1) Menulis semula huruf mengikut cara yang betul seperti garis putus-putus.</p> <p>(BM 4.2.2) Menulis huruf besar dan kecil dengan cara yang betul dengan bimbingan.</p> <p>(BM 4.2.3) Menulis huruf kecil dan besar dengan cara yang betul tanpa bimbingan.</p> <p>(BM 4.2.4) Menyalin perkataan.</p> <p>(BM 4.2.5) Menyalin rangkai kata dan ayat yang mudah.</p>

TUNJANG KOMUNIKASI: BAHASA INGGERIS (BI)

Selepas mengikuti aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Komunikasi, murid boleh mendengar dan menyatakan apa yang didengar, bertutur dengan sebutan yang betul dan bahasa yang bertatasusila, membaca dan menceritakan isi bacaan sesuai dengan peringkat perkembangan murid serta menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggeris	Content Standard	Learning Standards
(BI. 1) Listening Skills (See)	(BI 1.1) Listen to and discriminate sounds	(BI 1.1.1) Listen to and identify common sounds around them
	(BI 1.2) Listen to (sign) and understand meanings of simple words.	(BI 1.2.1) Listen to (see) and respond to (sign) simple greetings (BI 1.2.2) Listen to and repeat (sign) greetings (BI 1.2.3) Listen to and respond (sign) to simple greetings with guidance (BI 1.2.4) Listen to words (look at sign) and identify objects names in the classroom (to present in picture or real objects). (BI 1.2.5) Listen to words said aloud and identify objects names in the environment (sign) (BI 1.2.6) Listen to words said aloud and match with related pictures.
	(BI 1.3) Acquire and use simple phrases and statements	(BI 1.3.1) Talk (sign) about familiar things and experiences, favourite things and activities with guidance (BI 1.3.2) Talk (sign) about the natural environment with guidance

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggeris	Content Standard	Learning Standards
	(BI 1.4) Listen to (sign) and follow simple instructions.	(BI 1.4.1) Listen to (sign) and carry out simple instructions with guidance. (BI 1.4.2)Listen to (sign) and follow instructions. (BI 1.4.3) Listen to (sign) and perform actions based on instructions in activities/ games.
	(BI 1.5) Listen to and enjoy nursery, rhymes, action songs, poems and story	(BI 1.3.1) Listen to (sign) and respond to simple songs, poems, verses, rhymes and stories. (BI 1.3.2) Listen to songs, poems, verses, rhymes, stories (sign) and perform actions according to the meaning.
	(BI 1.6) Listen to words (sign) and recognize similarities in the sounds of language.	(BI 1.4.1) Identify words with the same beginning sounds. (BI 1.4.2) Listen and identify same ending sounds in words.
	(BI 1.7) Listen to words (sign) and discriminate differences in the sounds of the language.	(BI 1.7.1) Discriminate words with different beginning. (BI 1.7.2) Discriminate words with different ending sounds.
(BI 2) Speaking skills (Signing)	(BI 2.1) To communicate with peers, teachers and other adults socially by sign language.	(BI 2.1.1) Use body language such as gesture, eye contact and facial expression with appropriate language responses. (BI 2.1.2) Carry out simple functions of language with sign. Example: to greet (good morning), to thank (thank you).

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggris	Content Standard	Learning Standards
		<p>(BI 2.1.3) Carry out simple functions of language with sign. Example : to ask 'wh' questions (Who, When, Where, Why, What, How)</p> <p>(BI 2.1.4) Carry out simple conversations with appropriate sign language.</p> <p>(BI 2.1.5) To Convey or deliver a message accurately by sign language.</p>
	(BI 2.2) Apply simple words (Talk / sign)	<p>(BI 2.2.1) Name parts of the body.</p> <p>(BI 2.2.2) Name members of the family.</p> <p>(BI 2.2.3) Name things in the environment.</p> <p>(BI 2.2.4) Name things in the environment which related to the theme of the month.</p> <p>(BI 2.2.5) Name things in familiar stories, poems and songs.</p>
	(BI 2.3) Apply simple statements.	<p>(BI 2.3.1) Talk about favourite things and activities.</p> <p>(BI 2.3.2) Talk about familiar experiences, favourite things and activities.</p> <p>(BI 2.3.3) Talk about the weather, surrounding, environment.</p> <p>(BI 2.3.5) Say out repeated sentences in stories.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggeris	Content Standard	Learning Standards
	(BI 2.4) Ask simple questions.	(BI 2.4.1) Ask others about favourite things and activities. (BI 2.4.2) Ask simple questions based on observations. (BI 2.4.3) Ask questions based on stories.
	(BI 2.5) Sing song and recite rhymes and poems.	(BI 2.5.1) Sing song and perform appropriate actions. (BI 2.5.2) Sing songs and perform appropriate actions according to the meaning. (BI 2.5.3) Recite simple rhymes and poems with sign language.
	(BI 2.6) Tell simple stories.	(BI 2.6.1) Tell simple stories about familiar things. (BI 2.6.2) Tell a story about a familiar story book. (BI 2.6.3) Retell stories using visual props such as puppets or figurines.
	(BI 2.7) Dramatize familiar situations and stories.	(BI 2.7.1) Role play in familiar daily situations (BI 2.7.2) Dramatise familiar stories.
	(BI 3.2) Read simple words with sign.	(BI 3.2.1) Hear and say (sign) the initial letter in words. (BI 3.2.2) Recognise and sound (sign) simple words.

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggris	Content Standard	Learning Standards
		<p>(BI 3.2.3) Point to letters and words on labels and read (sign) them.</p> <p>(BI 3.2.4) Recognise some familiar words in the environment.</p>
	(BI 3.3) Read simple phrases by sign language.	<p>(BI 3.3.1) Read and understand simple phrases with guidance.</p> <p>(BI 3.3.2) Read a range of simple phrases/ short sentences independently.</p>
	(BI 3.4) Knowledge of print and ethics in reading.	<p>(BI 3.4.1) Read (sign) print moving from left to right and top to bottom.</p> <p>(BI 3.4.2) Handle books carefully.</p> <p>(BI 3.4.3) Recognise the features of a book</p> <p>(BI 3.4.4) Recognise that print convey meanings.</p>
	(BI 3.5) Develop interest in reading.	<p>(BI 3.5.1) Show interest in illustrations and print in books and print in the environment.</p> <p>(BI 3.5.2) Talk about books being read with guidance.</p> <p>(BI 3.5.3) Talk about books being read independently.</p> <p>(BI 3.5.4) Read different texts: pictures, charts, picture dictionary, cooking recipes, comics, series of fable with illustration and others.</p>
(BI 4) Writing skills	(BI 4.1) Pre-writing skills.	<p>(BI 4.1.1) Engage in activities requiring hand-eye coordination.</p> <p>(BI 4.1.2) Draw lines, circles and patterns using gross motor and fine motor movements.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Bahasa Inggeris	Content Standard	Learning Standards
	(BI 4.2) Writing Skills.	(BI 4.2.1) Form recognizable letters. (BI 4.2.2) Write simple words. (BI 4.2.3) Write simple sentences.

TUNJANG KEROHANIAN, SIKAP DAN NILAI - PENDIDIKAN ISLAM (PI)

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Islam	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PI 1.0) Aqidah	(PI 1.1.) Mengetahui Rukun Iman <u>Menyebut</u> - melafazkan/mengucapkan/ memperkatakan secara lisan dengan bimbingan dengan kod tangan <u>Menyatakan</u> - menyebut/melafaz/menyenarai/ menerang/menjelas/menunjuk/ memberitahu/memaklum secara rawak atau mengikut urutan dengan kod tangan	(PI 1.1.1) Menyebut dan menyatakan enam Rukun Iman dengan bimbingan <ul style="list-style-type: none"> - beriman kepada Allah - beriman kepada malaikat - beriman kepada kitab - beriman kepada rasul - beriman kepada hari Akhirat - beriman kepada Qada dan Qadar
	(PI 1.2) Beriman kepada Allah Mengetahui – tahu setelah melihat Tanda-tanda atau buktinya, mengerti, memahami, menginsafi, mendapati, menghayati Bab agama adalah satu kelainan	(PI 1.2.1) Menyebutkan dan menyatakan sifat wajib Allah: <ul style="list-style-type: none"> a) Wujud (Ada), b) Basar (Melihat), c) Sama' (Mendengar) d) Qudrat (Kuasa) (PI 1.2.2) Menyebut dan menyatakan nama-nama Allah (Asma'ul Husna) <ul style="list-style-type: none"> a. pengasih dan penyayang b. pengampun c. berkuasa d. adil e. bijaksana

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Islam	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PI 2.0) Ibadah	(PI 2.1) Mengetahui Rukun Islam	(PI 2.1.1) Menyebut dan menyatakan lima rukun Islam: <ul style="list-style-type: none"> - mengucap dua kalimah syahadah - solat lima waktu - mengeluarkan zakat - berpuasa di bulan Ramadhan - mengerjakan ibadah haji
	(PI 2.2) Melafazkan kalimah Syahadah dengan kod tangan.	(PI 2.2.1) Menyebut Dua Kalimah Syahadah dengan maknanya
	(PI 2.3) Berwuduk Tertib - melakukan sesuatu mengikut urutan	(PI 2.3.1) Mengenal anggota wuduk (PI 2.3.2) Menunjukkan had anggota wuduk (PI 2.3.3) Melakukan wuduk dengan betul mengikut tertib.
	(PI 2.4) Mendirikan solat	(PI 2.4.1) Menyatakan nama solat. (PI 2.4.2) Menyatakan bilangan rakaat solat lima waktu. (PI 2.4.3) Menyatakan nama dan waktu solat. (pagi, tengahari, petang, malam) (PI 2.4.4) Melakukan pergerakan solat dengan betul mengikut tertib.
	(PI 2.5) Bersuci dari najis	(PI 2.5.1) Menyebut dan menyatakan cara bersuci daripada hadas: <ul style="list-style-type: none"> - buang air kecil - buang air besar

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Islam	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		(PI 2.5.1) Menyebut dan menyatakan cara menjaga kebersihan : <ul style="list-style-type: none"> - tubuh badan - pakaian. - tempat solat
(PI 3.0) Sirah	(PI 3.1) Mengetahui Sirah Rasulullah S.A.W.	(PI 3.1.1) Menyebut nama Rasulullah S.A.W. (PI 3.1.2) Menyebut nama ahli keluarga baginda yang terdekat <ul style="list-style-type: none"> - ibu (Aminah) - bapa (Abdullah) - datuk (Abdul Muttalib) - bapa saudara (Abu Talib) (PI 3.1.3) Menceritakan peristiwa kelahiran Rasulullah S.A.W dengan kod tangan.
(PI 4.0) Akhlak	(PI 4.1) Mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W.	(PI 4.1.1) Menyebut akhlak Rasulullah S.A.W. <ul style="list-style-type: none"> - Sabar - Bercakap benar - Rajin (PI 4.1.2) Mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. <ol style="list-style-type: none"> a. Amanah b. Siddiq (bercakap benar) c. Fatonah (bijaksana)
	(PI 4.2) Melakukan amalan seharian mengikut adab :	(PI 4.2.1) Melafazkan <ul style="list-style-type: none"> - Basmalah - Hamdalah

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Islam	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(PI 4.2.2) Melafazkan doa</p> <ul style="list-style-type: none">- penerang hati- menaiki kenderaan <p>(PI 4.2.3) Menyatakan adab :</p> <ul style="list-style-type: none">- sebelum makan/minum- semasa makan/minum- selepas makan/minum <p>(PI 4.2.4) Melafazkan doa sebelum dan selepas makan dengan kod tangan.</p> <p>(PI 4.2.5) Membezakan makanan :</p> <ul style="list-style-type: none">- halal dan haram- baik dan berkhasiat (thoyyiban) <p>(PI 4.2.6) Menyatakan adab :</p> <ul style="list-style-type: none">- masuk tandas- keluar tandas <p>(PI 4.2.7) Melafazkan doa masuk dan keluar tandas dengan kod tangan.</p> <p>(PI 4.2.8) Menyatakan adab menghormati -</p> <ul style="list-style-type: none">- ibu bapa- ahli keluarga- guru- rakan sebaya

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Islam	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PI 5.0) Asas Bahasa Al Quran dan Tulisan Jawi	(PI 5.1) Mengenal bahasa Al-Quran Mengenal pasti – mengenal dan mengecam	(PI 5.1.1) Menyebut huruf hijaiyah dengan kod tangan (PI 5.1.2) Mengenal bentuk huruf hijaiyah (PI 5.1.3) Mengenal pasti tanda bacaan dengan kod tangan - baris atas (fathah) - baris bawah (Kasrah) - baris hadapan (Dhommah)
	(PI 5.2) Mengenal huruf jawi	(PI 5.2.1) Menyebut huruf-huruf jawi dengan kod tangan (PI 5.2.2) Mengenal bentuk huruf jawi dengan kod tangan (PI 5.2.3) Mengecam huruf jawi (PI 5.2.4) Menyebut huruf-huruf jawi yang bersambung dengan huruf vokal Alif, wau dan ya
	(PI 5.3) Membaca beberapa surah dari juzu' Amma dengan kod tangan	(PI 5.3.1) Membaca surah Al- Quran : - Al Fatehah - Al Ikhlas

TUNJANG KURIKULUM : KEROHANIAN, SIKAP DAN NILAI - PENDIDIKAN MORAL (PM)

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Moral	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PM1.0) Kepercayaan kepada Tuhan	(PM 1.1) Mengetahui Tuhan pencipta alam.	(PM 1.1.1) Menyatakan bahawa manusia adalah ciptaan Tuhan. (PM 1.1.2) Membezakan ciptaan Tuhan dan rekaan manusia. (PM 1.1.3) Menyatakan Tuhan adalah pencipta alam.
(PM 2.0) Kerajinan	(PM 2.1) Bersikap rajin dalam kehidupan	(PM 2.1.1) Menunjukkan sifat rajin dalam pengurusan diri. (PM 2.1.2) Mengamalkan sifat rajin dalam pengurusan diri dan menjalankan tugas.
(PM3.0) Kasih Sayang	(PM 3.1) Membina kasih sayang	(PM 3.1.1) Bercerita tentang orang yang disayangi dengan kod tangan. (PM 3.1.2) Bercerita tentang kebaikan ahli keluarga dengan kod tangan. (PM 3.1.3) Menunjukkan sifat kasih sayang kepada diri sendiri, keluarga dan orang di sekelilingnya. (PM 3.1.4) Menyatakan sebab perlunya menyayangi keluarga (PM 3.1.5) Menyatakan tanggungjawab diri terhadap keluarga. (PM 3.1.6) Menyata dan menunjukkan sifat kasih sayang kepada diri sendiri, keluarga dan orang di sekelilingnya secara lisan dan bukan lisan. (PM 3.1.7) Mengenali keistimewaan diri dan menunjukkan bakat.
(PM4.0) Kejujuran	(PM 4.1) Membina kejujuran	(PM 4.1.1) Mengenal sikap jujur melalui simulasi dan cerita. (PM 4.1.2) Memohon maaf apabila melakukan kesalahan. (PM 4.1.3) Mengenal pasti tindakan yang jujur dalam cerita yang didengar. (PM 4.1.4) Mengamalkan sifat jujur pada diri dan rakan (PM 4.1.5) Sentiasa bercakap benar kepada anggota keluarga, rakan dan guru.
(PM5.0) Berdikari	(PM 5.1) Mengamalkan sikap berdikari	(PM 5.1.1) Menguruskan diri sendiri dengan bantuan. (PM 5.1.2) Menguruskan diri sendiri tanpa bantuan.

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Moral	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PM6.0) Keberanian	(PM 6.1) Membina semangat keberanian (PM 6.2) Yakin terhadap (PM 6.3) Kebolehan sendiri	(PM 6.1.1) Berani mencuba sesuatu tugas yang baru. (PM 6.1.2) Berani bercakap dengan yakin menggunakan ayat yang mudah. (PM 6.1.3) Berani melibatkan diri dalam sebarang aktiviti.
(PM7.0) Baik hati	(PM 7.1) Membina sikap baik hati.	(PM 7.1.1) Memberi bantuan kepada ahli keluarga dan warga sekolah. (PM 7.1.2) Memberi bantuan kepada ahli keluarga, warga sekolah dan orang lain.
(PM8.0) Berdisiplin	(PM 8.1) Memupuk sikap berdisiplin	(PM 8.1.1) Mematuhi arahan guru. (PM 8.1.2) Mematuhi arahan yang ditentukan di kelas atau di sekolah. (PM 8.1.3) Mematuhi arahan guru atau ketua kumpulan. (PM 8.1.4) Mematuhi peraturan kelas.
(PM9.0) Berterima Kasih	(PM 9.1) Membina sikap berterima kasih.	(PM 9.1.1) Mengucapkan terima kasih secara lisan atau bukan lisan atas sesuatu bantuan, penghargaan dan sumbangan yang diterima.
(PM10.0) Toleransi	(PM 10.1) Membina sikap sabar	(PM 10.1.1) Bersedia menunggu giliran.
	(PM 10.2) Bertolak ansur dengan rakan sebaya	(PM 10.2.1) Saling berkongsi dalam menggunakan barang dan peralatan di dalam kelas. (PM 10.2.2) Mengamalkan sikap tolak ansur dengan rakan dalam situasi tertentu. (PM 10.2.3) Menyatakan faedah bertolak ansur setelah menjalankan aktiviti kumpulan.

Tunjang Bidang Pembelajaran Pendidikan Moral	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PM 11.0) Keadilan	(PM 11.1) Berlaku adil	(PM 11.1.1) Mengamalkan sikap adil dalam sesuatu aktiviti seperti permainan.
(PM 12.0) Hormat	(PM 12.1) Hormat dan taat kepada anggota keluarga.	(PM 12.1.1) Menunjukkan taat dan hormat kepada ahli keluarga. (PM 12.1.2) Menyatakan dan menunjukkan taat dan hormat kepada ahli keluarga. (PM 12.1.3) Menyatakan sebab mengapa perlu hormat kepada ahli keluarga.
	(PM 12.2) Hormat menghormati	(PM 12.2.1) Menunjukkan cara menghormati orang dewasa, rakan dan masyarakat setempat. (PM 12.2.2) Melafazkan ucapan bertatasusila bersesuaian dengan situasi dan masa.
(PM13.0) Bertanggungjawab	(PM 13.1) Bertanggungjawab terhadap diri dan persekitaran kelas	(PM 13.1.1) Menjaga kebersihan dan keselamatan harta benda sendiri dan kelas prasekolah. (PM 13.1.2) Melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang murid.
(PM14.0) Kerjasama	(PM 14.1) Mengamalkan semangat kerjasama	(PM 14.1.1) Melakukan aktiviti secara berkumpulan . (PM 14.1.2) Menjayakan aktiviti secara berkumpulan. (PM 14.1.3) Menyatakan faedah bekerja secara kumpulan. (PM 14.1.4) Menyatakan aktiviti-aktiviti yang boleh dibuat secara kumpulan. (PM 14.1.5) Mengamalkan sikap tolong menolong dengan rakan, jiran dan masyarakat setempat.
(PM15.0) Hemah tinggi	(PM15.1) Beradab sopan dalam pergaulan seharian.	(PM 15.1.1) Menunjukkan tingkah laku yang bersopan dalam pergaulan seharian. (PM 15.1.2) Melafazkan tutur kata yang bersopan. (PM 15.1.3) Menyatakan cara-cara bertingkah laku sopan.
(PM16.0) Kesederhanaan	(16.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat.	(PM 16.1.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan barang keperluan.

TUNJANG KEMANUSIAAN (KM)

Tunjang Bidang Pembelajaran Kemanusiaan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(KM 1.0) Persekitaran dan Keindahan Alam	(KM 1.1) Mengenal keindahan alam.	(KM 1.1.1) Mengenal dan menghargai alam sekitar. (KM 1.1.2) Melahirkan perasaan diri terhadap unsur-unsur keindahan alam secara lisan dan perlakuan. (KM 1.1.3) Mewujudkan keceriaan dan keindahan alam sekitar. (KM 1.1.4) Mengenal dan mengecam keadaan alam dengan menggunakan deria. (KM 1.1.5) Menunjukkan rasa ingin tahu mengenai perubahan yang sentiasa berlaku di persekitaran. (KM 1.1.6) Bercerita dan menghasilkan pelbagai kegunaan bahan di persekitaran.
(KM 2.0) Warisan budaya	(KM 2.1) Menyambut perayaan masyarakat Malaysia	(KM 2.1.1) Melibatkan diri dalam menyambut perayaan masyarakat Malaysia bagi mengenal pelbagai budaya.
	(KM 2.2) Mengenal pakaian tradisional masyarakat Malaysia	(KM 2.2.1) Bercerita tentang pakaian masyarakat Malaysia.
	(KM 2.3) Menghayati lagu dan muzik masyarakat Malaysia.	(KM 2.3.1) Menyanyikan lagu masyarakat Malaysia. (KM 2.3.2) Melibatkan diri dalam tarian masyarakat Malaysia. (KM 2.3.3) Mengenalpasti alat muzik tradisional.

Tunjang Bidang Pembelajaran Kemanusiaan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(KM 2.4) Mengenal permainan tradisional	(KM 2.4.1) Mengenal dan bermain permainan tradisional masyarakat Malaysia.
	(KM 2.5) Mengenal kraf dan peralatan tradisional.	(KM 2.5.1) Mengenal pelbagai jenis kraftangan dan peralatan berunsur budaya masyarakat Malaysia.
	(KM 2.6) Makanan	(KM 2.6.1) Mengenal jenis makanan tradisional masyarakat Malaysia.
(KM 3.0) Nilai Berkaitan dengan Diri dan Negara	(KM 3.1) Cintakan negara	(KM 3.1.1) Mengenal dan menghormati bendera. (KM 3.1.2) Menghormati gurubesar, guru, <i>PPM</i> dan ketua kelas. (KM 3.1.3) Menghormati dan mengenali pemimpin. (KM 3.1.4) Menunjukkan cara menghormati raja dan pemimpin negara.
	(KM 3.2) Patuh kepada peraturan dan undang-undang	(KM 3.2.1) Mengecam simbol dan peraturan undang-undang seperti peraturan jalanraya, tandas awam dan pembuangan sampah. (KM 3.2.2) Menyatakan cara mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah dan jalanraya.
	(KM 3.3) Cintakan negara	(KM 3.3.1) Mengenal lagu kebangsaan dan lagu kebesaran negeri. (KM 3.3.2) Menunjukkan kedudukan Malaysia di peta dunia. (KM 3.3.3) Mengenal dan menghormati bendera Malaysia dan bendera negeri. (KM 3.3.4) Menyatakan negeri-negeri di Malaysia. (KM 3.3.5) Menyatakan keistimewaan yang terdapat di negara Malaysia:

Tunjang Bidang Pembelajaran Kemanusiaan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<ul style="list-style-type: none"> a. Mercu tanda kejayaan negara Malaysia. b. Tempat dan bangunan bersejarah. c. Pusat pelancongan d. Hasil negara e. Tokoh-tokoh negara
	(KM 3.4) Mengekalkan keamanan dan perpaduan	(KM 3.4.1) Menyebut nama pelbagai kaum di Malaysia. (KM 3.4.2) Melibatkan diri dalam aktiviti sambutan hari kebesaran kaum di Malaysia.
(4.0) Semangat bermasyarakat	(KM 4.1) Mengamalkan semangat bermasyarakat	(KM 4.1.1) Menyatakan faedah berkawan. (KM 4.1.2) Bergaul mesra dan tolong menolong. (KM 4.1.3) Mengamalkan sikap tolong menolong dengan rakan, jiran dan masyarakat setempat.
(KM 5.0) Nilai Berkaitan Diri dengan Alam Sekitar	(KM 5.1) Menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran	(KM 5.1.1) Menjaga kebersihan dan keceriaan dalam bilik darjah dan persekitaran. (KM 5.1.2) Menjaga kebersihan dan keceriaan dalam bilik darjah dan persekitaran. (KM 5.1.3) Menyatakan kesan pencemaran terhadap alam sekitar. (KM 5.1.4) Menyatakan kepentingan kitar semula.

TUNJANG KURIKULUM: LITERASI SAINS DAN TEKNOLOGI (LST)

Rumusan Standard Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi:

Selepas mengikuti aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang Literasi Sains dan Teknologi, murid boleh menjalankan penyiasatan dengan bimbingan, mempraktikkan kemahiran proses sains asas, mempraktikkan penaakulan dalam penerokaan yang mudah, mempertingkatkan sikap ingin tahu.

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(LST 1.0) Sains sebagai satu inkuiri	(LST 1.1) Mempamerkan sikap saintifik	(LST 1.1.1) Menunjukkan sikap saintifik iaitu sistematik, bekerjasama dan bertanggungjawab.
(LST 2.0) Kemahiran Saintifik	(LST 2.1) Membuat pemerhatian, perbandingan dan membezakan	(LST 2.1.1) Memerhati warna-warna di persekitaran dan mengenalpasti warna asas (LST 2.1.2) Memerhati warna-warna di persekitaran sekolah dan mengenalpasti warna sekunder (LST 2.1.3) Menamakan (menggunakan komunikasi seluruh) warna (LST 2.1.4) Memerhati dan mengenalpasti bentuk-bentuk di persekitaran (LST 2.1.5) Menamakan (menggunakan komunikasi seluruh) bentuk-bentuk di persekitaran (LST 2.1.6) Memerhati dan merekod pemerhatian dalam bentuk lukisan (LST 2.1.7) Memerhati dan merekod pemerhatian dalam bentuk tulisan yang mudah dengan bimbingan

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(LST 3.0) Pengelasan	(LST 3.1) Mengelaskan Objek	<p>(LST 3.1.1) Mengelaskan objek mengikut satu ciri - ciri, saiz, bentuk dan warna</p> <p>(LST 3.1.2) Mengelaskan makanan mengikut rasa.</p> <p>(LST 3.1.3) Mengelaskan objek mengikut bau</p> <p>(LST 3.1.4) Mengelaskan objek mengikut dua ciri:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Warna dan bentuk b. Saiz dan bentuk c. Warna dan saiz <p>(LST 3.1.5) Mengelask objek mengikut tiga ciri: warna, saiz, dan bentuk.</p> <p>(LST 3.1.6) Mengelaskan objek mengikut kesamaan. Menyatakan sebab setiap pengelasan dibuat.</p>
(LST 4.0) Seriasi	(LST 4.1) Menyusun Objek Mengikut Seriasi	<p>(LST 4.1.1) Menyusun objek mengikut seriasi: saiz, panjang, tinggi.</p> <p>(LST 4.1.2) Menunjukkan kod tangan saiz, panjang, tinggi</p>
(LST 5.0) Padanan satu: satu	(LST 4.1) Memadankan objek 1:1	<p>(LST 5.1.1) Memadankan objek berpasangan yang sama</p> <p>(LST 5.1.2) Memadankan objek berpasangan yang tidak sama</p> <p>(LST 5.1.3) Memadankan dua kumpulan objek yang mempunyai bilangan ;</p> <ol style="list-style-type: none"> a. sama b. tidak sama

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(LST 6.0) Konsep Nombor	(LST 6.1) Mengetahui konsep nombor 1-10	(LST 6.1.1) Membilang (menggunakan kod tangan) objek 1-10 (LST 6.1.2) Memadankan simbol 1-10 dengan objek. (LST 6.1.3) Memadan bilangan objek dengan simbol nombor 1-10. (LST 6.1.4) Membilang secara menaik 1-10 dan menurun 10-1 (LST 6.1.5) Menulis nombor 1-10 mengikut cara yang betul.
	(LST 6.2) Mengetahui konsep dan nilai sifar	(LST 6.2.1) Menyatakan nilai nombor sifar.
	(LST 6.3) Mengetahui konsep nombor 10-20	(LST 6.3.1) Menyatakan dalam siri 10-11... dan seterusnya adalah terdiri daripada 10+1, 12 adalah 10+2. dan seterusnya sehingga 20. (LST 6.3.2) Membilang nombor 10-20 (LST 6.3.3) Menulis nombor 10-20
	(LST 6.4) Mengetahui konsep siri 20, 30, 40 dan 50.	(LST 6.4.1) Membina siri 20 dan membilang 20-30. (LST 6.4.2) Membina siri 30 dan membilang 30-40. (LST 6.4.3) Membina siri 40 dan membilang 40-50.
(LST 7.0) Operasi Nombor	(LST 7.1) Operasi Tambah	(LST 7.1.1) Menggunakan operasi tambah dalam bahasa seharian. (LST 7.1.2) Menambah dua himpunan objek yang disatukan dan menyatakan hasil tambah dengan membilang semua objek.

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(LST 7.1.3) Menambah dua himpunan objek yang disatukan dan menyatakan hasil tambah dengan membilang terus dari suatu nombor sehingga nilai 10.</p> <p>(LST 7.1.4) Menyatakan (Menggunakan Kod Tangan) ayat matematik operasi tambah.</p> <p>(LST 7.1.5) Menggunakan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.</p>
	(LST 7.2) Operasi Tolak	<p>(LST 7.2.1) Menggunakan bahasa harian untuk menerangkan operasi tolak</p> <p>(LST 7.2.2) Mengeluarkan objek dari himpunan dan membilang baki.</p> <p>(LST 7.2.3) Menyatakan (Menggunakan Kod Tangan) ayat matematik operasi tolak.</p> <p>(LST 7.2.4) Menggunakan simbol tolak (-) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.</p>
(LST 8.0) Nilai matawang	(LTS 8.1) Memperkenalkan nilai matawang	<p>(LTS 8.1.1) Mengenal nilai matawang : 5 sen, 10sen, 20 sen, 50 sen, RM 1, RM 5 , RM 10</p> <p>(LTS 8.1.2) Menyusun nilai matawang</p> <p>(LTS 8.1.3) Meneroka konsep matawang melalui aktiviti ;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jual beli / Simulasi - Menabung

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(LST 9.0) Pengukuran	(LST 9.1) Membuat pengukuran a. panjang b. berat c. tebal d. jisim	(LST 9.1.1) Membandingkan berat, panjang dan tebal objek (LST 9.1.2) Mengukur dan merekod objek mengikut: panjang, tinggi, berat dan isipadu
(LST 10.0) Ramalan	(LST 10.1) Membuat ramalan	(LST 10.1.1) Membuat ramalan tentang cuaca (contoh ; bila awan mendung, hari akan hujan) (LST 10.1.2) Membuat ramalan apa yang akan berlaku selepas memerhati sesuatu percubaan contoh aktiviti : a. Objek mana yang akan timbul dan tenggelam b. Bola mana yang akan menurun cerun lebih cepat
(LST 11.0) Konsep Masa	(LST 11.1) Memahami masa	(LST 11.1.1) Menyusun peristiwa mengikut urutan masa. (LST 11.1.2) Menyatakan (menggunakan kod tangan) waktu untuk menjalankan sesuatu aktiviti (contoh ; Pukul 7.00 pagi ; Sarapan, 8.00 pagi ; Ke sekolah) (LST 11.1.3) Bercerita tentang peristiwa yang telah berlaku semalam dan sedang berlaku pada hari ini. (LST 11.1.4) Menyatakan nama hari dan bulan.
(LST 12.0) Konsep Ruang	(LST 12.1) Mengetahui kedudukan objek dalam ruang	(LST 12.1.1) Menyatakan kedudukan sesuatu objek dalam ruang: depan, belakang; atas, bawah; di luar dan dalam. (LST 12.1.2) Meletakkan objek pada kedudukan yang diarahkan.
(LST 13.0) Pembinaan [construction]	(LST 13.1) Membina penghubung	(LST 13.1.1) Menyatakan anggaran jarak antara dua objek (LST 13.1.2) Membina penghubung antara dua objek menggunakan bongkah dan apparatus (LST 13.1.3) Menyatakan alasan mengapa penghubung itu dipilih.

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(LST 13.2) Membina lingkungan	(LST 13.2.1) Menganggarkan keluasan lingkungan. (LST 13.2.2) Membina satu lingkungan yang lengkap. (LST 13.2.3) Menyatakan sebab saiz lingkungan dibina.
	(LST 13.3) Membina pola	(LST 13.3.1) Mengenal pasti pola. (LST 13.3.2) Merombak dan menyusun pola bagi menghasilkan sesuatu corak baru. (LST 13.3.3) Menyatakan sebab dan alasan pola tersebut dibentuk.
(LST 14.0) Penyelesaian masalah	(LST 14.1) Menyelesaikan masalah	(LST 14.1.1) Mengenal pasti punca masalah. (LST 14.1.2) Mencadangkan pelbagai idea untuk mengatasi masalah. (LST 14.1.3) Menyusun cadangan mengikut keutamaan. (LST 14.1.4) Memilih cadangan terbaik daripada yang disenaraikan. (LST 14.1.5) Mencuba cadangan yang telah dipilih. (LST 14.1.6) Menilai keputusan yang baik dan mantap.
	(LST 13.2) Perancangan untuk memenuhi keperluan.	(LST 13.2.1) Mengenalpasti keperluan (Contoh Menyediakan aktiviti membuat makanan dan minuman)
(LST 15.0) Menyasat alam hidupan (life science)	(LST 15.1) Mengenal bahagian tubuh badan.	(LST 15.1.1) Mengenalpasti bahagian tubuh badan Kepala: mata, hidung, mulut, gigi, telinga, rambut Badan: dada, abdomen/perut Kaki: kuku, jari Tangan: kuku, jari, (LST 15.1.2) Mengenalpasti deria (LST 15.1.3) Menyatakan fungsi bahagian tubuh badan. (LST 15.1.4) Melabel anggota badan.
	(LTS 15.2) Menggunakan deria dalam menjalankan aktiviti alam sekitar	(LTS 15.2.1) Menggunakan deria dalam penerokaan alam persekitaran secara terbimbing atau terbuka

Tunjang Bidang Pembelajaran Literasi Sains dan Teknologi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(LTS 15.3) Memperoleh pengetahuan tentang tumbuhan melalui penyiasatan	(LTS 15.3.1) Memerhati, membanding dan mengumpul objek (daun, bunga, dan biji benih)
	(LTS 15.4) Memperoleh pengetahuan tentang haiwan melalui penyiasatan	(LTS 15.4.1) Menamakan (menggunakan kod tangan) haiwan yang biasa dijumpai dalam kehidupan harian (dalam buku, tv dll) (LTS 15.4.2) Memerhati dan menceritakan (menggunakan kod tangan) beberapa jenis haiwan (LTS 15.4.3) Memerhati dan meniru pergerakan haiwan (terbang, melompat, merangkak, berjalan, menyusur dan berenang) (LTS 15.4.4) Mengecam habitat haiwan

TUNJANG: FIZIKAL DAN ESTETIKA

Kesihatan Fizikal

- kesihatan diri
- pemakanan
- penyalahgunaan bahan seperti dadah, alkohol, rokok dan *inhalant*

Kesihatan emosi dan psikologi

- pengurusan emosi
- kekeluargaan
- perhubungan

Kesihatan persekitaran

- penyakit
- keselamatan
- pertolongan cemas

Prasekolah

Kesihatan Fizikal

- kesihatan diri: bahagian tubuh dan fungsi, kebersihan diri, kebersihan pakaian, keperluan diri(*shampoo dsbnya*)
- pemakanan : berkhasiat, *junk food*, piramid, seimbang (jenis-jenis makanan spt sayuran, makanan berkhasiat). Jenis makanan: berkhasiat, tidak berkhasiat)

Kesihatan emosi dan psikologi (sosio emosi)

- pengurusan emosi: mengenal perasaan(takut, gembira, sedih, marah, malu)
- kekeluargaan: mengenal diri sendiri dan ahli keluarga, perbezaan jantina
- perhubungan : perhubungan dengan ibu bapa, rakan sebaya, ahli keluarga, orang lain, jenis kasih sayang

Kesihatan persekitaran

- penyakit (penyakit kulit)
- keselamatan (diri, di rumah, tempat awam)

TUNJANG: FIZIKAL DAN ESTETIKA – KREATIVITI (KT)

Tunjang Bidang Pembelajaran Kreativiti	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(KT 1.0) Lukisan dan Kraf	(KT 1.1) Menghasilkan lukisan./Menggambar	(KT 1.1.1) Membuat tanda dan kesan pada pelbagai permukaan. (KT 1.1.2) Membuat garisan dan rupa bentuk. (KT 1.1.3) Mengenal warna dan membezakan warna. (KT 1.1.4) Mewarnakan gambar dalam ruang tertentu. (KT 1.1.5) Melukis dan mewarna dalam ruang tertentu. (KT 1.1.6) Menceritakan idea dan perasaan dalam kegiatan melukis. (Menggunakan kod tangan) (KT 1.1.7) Menyatakan idea dan perasaan dalam kegiatan melukis dan menceritakannya. (Menggunakan kod tangan)
	(KT 1.2) Menghasilkan kraf/Membuat corak dan rekaan	(KT 1.2.1) Menggunakan pelbagai bahan secara kreatif dalam rekaan pelbagai kraf untuk: a. pembentukan b. binaan c. ukiran d. guntingan dan lipatan e. tampalan dan kolaj

Tunjang Bidang Pembelajaran Kreativiti	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(KT 1.2.2) Mereka corak bebas dengan menggabunjalinkan pelbagai cara mencorak:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. tiupan b. titisan c. renjisan dan percikkan d. celupan <p>(KT 1.2.3) Mereka corak bebas dengan menggabunjalinkan pelbagai cara.</p> <p>(KT 1.2.4) Menghasilkan corak dengan pelbagai tujuan tertentu seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. kad ucapan b. penanda buku c. mobail d. topeng <p>(KT 1.2.5) Mengenal kesan jalinan pada capan.</p>
	(KT 1.3) Membentuk dan membuat binaan	<p>(KT 1.3.1) Menggunakan pelbagai bahan secara kreatif dalam rekaan pelbagai kraf untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. pembentukan b. binaan c. stabil
	(KT 1.4) Mengenal kraf	<p>(KT 1.4.1) Menggunakan pelbagai bahan secara kreatif dalam rekaan pelbagai kraf untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. pembentukan b. binaan c. guntingan dan lipatan d. tampalan/kolaj

Tunjang Bidang Pembelajaran Kreativiti	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(KT 2.0) Muzik, nyanyian dan pergerakan kreatif	(KT 2.1) Menikmati muzik.	<p>(KT 2.1.1) Mengenal pasti unsur muzik:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. kuat – lembut b. cepat – lambat c. tinggi – rendah <p>(KT 2.1.2) Menggerakkan anggota badan mengikut muzik.</p> <p>(KT 2.1.3) Menyatakan perasaan terhadap muzik yang didengar.</p>
	(KT 2.2) Nyanyian	(KT 2.2.1) Menyanyi dengan iringan muzik. (Menggunakan kod tangan).
	(KT 2.3) Pergerakan kreatif	(KT 2.3.1) Melakukan asas-asas gimnastik <ul style="list-style-type: none"> a. kemahiran mengawal koordinasi anggota badan.
	(KT 2.4) Perkusi	<p>(KT 2.4.1) Mengecam bunyi daripada pelbagai kegiatan dan perbuatan.</p> <p>(KT 2.4.2) Mengenal pasti unsur-unsur muzik seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. kuat-lembut (dinamik) b. cepat-lambat (tempo) c. tinggi-rendah (pic) <p>(KT 2.4.3) Mengenal dan memainkan alatan perkusi.</p> <p>(KT 2.4.4) Memainkan alatan perkusi mengikut arahan guru.</p> <p>(KT 2.4.5) Memainkan alatan perkusi ciptaan sendiri dari bahan-bahan yang terdapat di persekitaran.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Kreativiti	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(KT 3.0) Drama dan Puisi	(KT 3.1) Mengambil bahagian dalam drama dan puisi	(KT 3.1.1) Main peranan mengikut imaginasi. (KT 3.1.2) Menunjukkan semangat kerjasama dalam persediaan dan persembahan.

TUNJANG FIZIKAL DAN ESTETIKA – PERKEMBANGAN FIZIKAL DAN PENJAGAAN KESIHATAN (PF)

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fizikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PF1.0) Perkembangan Motor Halus	(PF 1.1) Melakukan kemahiran motor halus.	(PF1.1.1) Menggunakan jari untuk mengoyak bebas. (PF 1.1.2) Menggunakan tangan untuk merenyuk(<i>crush</i>) kertas. (PF 1.1.3) Menggunakan tangan untuk meramas (<i>mix</i>) (PF 1.1.4) Menggunakan tangan untuk menguli. (PF 1.1.5) Menggunakan jari untuk mencubit. (PF 1.1.6) Menggunakan jari untuk menggentel. (PF 1.1.7) Menggunakan jari untuk memicit. (PF 1.1.8) Menggantung dengan cara yang betul. (PF 1.1.9) Menggunakan jari untuk mengoyak bahan mengikut bentuk. (PF 1.1.10) Menggunakan jari untuk memicit. (PF 1.1.11) Menggunakan tangan untuk memintal. (PF 1.1.12) Menggunakan jari untuk merenjis. (PF 1.1.13) Menggunakan jari untuk menjentik. (PF 1.1.14) Menggunakan tangan untuk memulas penutup botol. (PF 1.1.15) Menggunakan tangan untuk mengikat sesuatu objek. (PF 1.1.16) Menggunakan jari menggantung menghasilkan satu bentuk.

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fizikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(PF 1.2) Melakukan kemahiran kordinasi mata tangan	<p>(PF 1.2.1) Menggunakan tangan untuk</p> <ol style="list-style-type: none"> a. melipat kertas menjadi dua dan empat bahagian. b. melipat menghasilkan pelbagai bentuk. <p>(PF 1.2.2) Menggunakan jari untuk</p> <ol style="list-style-type: none"> a. membutang bersaiz besar. b. membutang pelbagai saiz.(termasuk butang katup, butang cangkuk) <p>(PF 1.2.3) Menggunakan tangan untuk menzip seluar, baju, beg.</p> <p>(PF 1.2.4) Menggunakan tangan untuk menyarung sarung tangan dan kaki.</p> <p>(PF 1.2.5) Menggunakan jari untuk menguntai objek</p> <ol style="list-style-type: none"> a. bersaiz besar dengan menggunakan tali besar. b. pelbagai saiz dengan menggunakan pelbagai jenis tali. <p>((PF 1.2.6) Menuang air</p> <ol style="list-style-type: none"> a. dari cawan besar ke dalam bekas besar. b. dari jug ke dalam bekas pelbagai bentuk seperti botol, cawan, gelas. <p>(PF 1.2.7) Memakai tali pinggang.</p> <p>(PF 1.2.8) Menyurih menggunakan templet/objek.</p>
(PF 2.0) Perkembangan motor kasar	(PF 2.1) Melakukan kemahiran motor kasar lokomotor	<p>(PF 2.1.1) Berjalan dengan postur dan teknik yang betul.</p> <p>(PF 2.1.2) Berjalan ke hadapan, ke sisi kiri dan kanan.</p> <p>(PF 2.1.3) Berjalan dan mengimbang badan di atas garisan atau tali di atas lantai.</p> <p>(PF 2.1.4) Berlari dengan teknik yang betul.</p> <p>(PF 2.1.5) Berlari bebas pelbagai arah.</p> <p>(PF 2.1.6) Merangkak dengan teknik yang betul.</p> <p>(PF 2.1.7) Melompat dan mendarat dengan kedua-dua belah kaki</p> <p>(PF 2.1.8) Berjalan mengundur dengan lurus.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fisikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		<p>(PF 2.1.9) Berjalan dan mengimbang badan di atas bangku panjang yang rendah.</p> <p>(PF 2.1.10) Berjalan dengan pundi kacang di atas kepala.</p> <p>(PF 2.1.11) Berlari dengan teknik yang betul dalam jarak tertentu.</p> <p>(PF 2.1.12) Berlari ke arah yang ditentukan.</p> <p>(PF 2.1.13) Merangkak dengan teknik yang betul di ruang tertentu.</p> <p>(PF 2.1.14) Berjengket beberapa langkah ke arah tertentu.</p> <p>(PF 2.1.15) Melompat(<i>jump</i>) pelbagai aras dan mendarat dengan kedua-dua belah kaki menggunakan teknik yang betul.</p> <p>(PF 2.1.16) Berketengteng (<i>hop</i>) dengan cara yang betul.</p> <p>(PF 2.1.17) Melompat dengan halangan pada aras yang rendah.</p> <p>(PF 2.1.18) Skip menggunakan teknik yang betul.</p> <p>(PF 2.1.19) Naik dan turun tangga</p> <p>(PF 2.1.20) Berkawat kaki dengan teknik yang betul.</p>
	(PF 2.2) Melakukan kemahiran motor kasar bukan lokomotor	<p>(PF 2.2.1) Membuat pergerakan tangan mengikut arahan seperti menghayun tangan.</p> <p>(PF 2.2.2) Duduk dengan postur yang betul.</p> <p>(PF 2.2.3) Baring, menelentang dan meniarap dengan postur yang betul.</p> <p>(PF 2.2.4) Menoleh kepala secara perlahan ke kiri dan kanan.</p> <p>(PF 2.2.5) Membuat pergerakan tangan secara simulasi seperti menolak kotak, menarik tali.</p> <p>(PF 2.2.6) Berbaring sambil angkat kaki.</p> <p>(PF 2.2.7) Mengimbang badan dengan berdiri sebelah kaki.</p> <p>(PF 2.2.8) Berjengket setempat.</p> <p>(PF 2.2.9) Melompat setempat.</p> <p>(PF 2.2.10) Mendongak dan menunduk kepala secara perlahan.</p>

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fizikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(PF 2.3) Melakukan kemahiran koordinasi mata dan tangan.	(PF 2.3.1) Melambung objek lembut dengan menggunakan dua tangan. (PF 2.3.2) Menyambut objek lembut dengan menggunakan dua tangan. (PF 2.3.3) Membaling objek bersaiz besar dan lembut ke sasaran menggunakan dua belah tangan. (PF 2.3.4) Melambung objek lembut dengan menggunakan satu tangan. (PF 2.3.5) Menyambut objek lembut dengan menggunakan dua tangan. (PF 2.3.6) Membaling objek lembut ke sasaran menggunakan satu atau dua belah tangan. (PF 2.3.7) Melempar objek seperti gelung ke skital. (PF 2.3.8) Menggolek objek ke sasaran. (PF 2.3.9) Melantun dan menangkap objek. (PF 2.3.10) Membawa objek dalam sudu sambil berjalan.
(PF 3.0) Kesihatan Fizikal	(PF 3.1) Menjaga kebersihan diri.	(PF 3.1.1) Mengamalkan cara menjaga kebersihan diri dengan bimbingan. (PF 3.1.2) Menggosok gigi dengan cara yang betul. (PF 3.1.3) Mencuci tangan dengan cara yang betul. (PF 3.1.4) Menggunakan tandas dengan cara yang betul. (PF 3.1.5) Mengamalkan cara menjaga kebersihan diri. (PF 3.1.6) Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri. (PF 3.1.7) Mengenal makanan yang boleh merosakkan gigi. Makanan yang menjamin kesihatan gigi
	(PF 3.2) Menjaga kebersihan pakaian, tempat dan peralatan.	(PF 3.2.1) Memakai pakaian yang bersih. (PF 3.2.2) Menjaga kebersihan peralatan peribadi yang digunakan. (PF 3.2.3) Membersihkan tempat dan peralatan yang digunakan. (PF 3.2.4) Membersihkan sapu tangan atau sarung kaki. (PF 3.2.5) Menguruskan persediaan tempat sebelum dan selepas makan. (PF 3.2.6) Menyatakan kepentingan memakai pakaian yang bersih, sesuai dan kemas.

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fisikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(PF 3.3) Mengamalkan pemakanan yang berkhasiat.	(PF 3.3.1) Mengenal makanan yang berkhasiat. (PF 3.3.2) Mengenal jenis makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat. (PF 3.3.3) Mengenal makanan yang rosak dan basi. (PF 3.3.4) Menyatakan waktu makan. (PF 3.3.5) Menyatakan jenis makanan yang sesuai mengikut waktu makan.
	(PF 3.4) Pencegahan jangkitan penyakit.	(PF 3.4.1) Mengamalkan cara-cara untuk mengelakkan jangkitan penyakit seperti menutup mulut bila bersin dan batuk.
(PF 4.0) Keselamatan	(PF 4.1) Mengenal sumber yang menyebabkan kemalangan dan bahaya. Mengenal: mengetahui, mengecam Mengenal pasti: mengetahui serta menentukan, mengetahui sehingga boleh menyatakan dengan pasti	(PF 4.1.1) Mengenal objek atau bahan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah dan sekolah. (PF 4.1.2) Mengenal tingkah laku yang membahayakan berdasarkan tayangan visual yang dipertontonkan seperti berlari dengan gunting, cucuk besi ke dalam soket. (PF 4.1.3) Mengenal pasti tingkah laku yang membahayakan berdasarkan pengalaman sendiri seperti berdiri berhampiran rakan yang sedang bermain buaian. (PF 4.1.4) Mengenal pasti objek atau bahan yang boleh mendatangkan bahaya di lokasi berikut: a. rumah b. sekolah c. padang permainan d. tempat awam (PF 4.1.5) Mengenal pasti situasi yang membahayakan seperti lantai licin, banjir, kebakaran, jalan raya.

Tunjang Bidang Pembelajaran Perkembangan Fizikal	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	(PF 4.2) Mengamalkan langkah keselamatan diri.	<p>(PF 4.2.1) Menjalankan simulasi semasa menghadapi situasi bahaya dengan menggunakan langkah-langkah berikut: menjerit, lari dan memberitahu orang dewasa.</p> <p>(PF 4.2.2) Memberitahu orang dewasa apabila berlaku kecemasan, kecederaan atau penderaan.</p> <p>(PF 4.2.3) Menjaga keselamatan diri.</p> <p>(PF 4.2.4) Mengamalkan sikap asertif pada situasi yang tidak selamat.</p> <p>(PF 4.2.5) Menyebut nama sendiri, nama ibubapa, nama prasekolah, tempat tinggal (alamat) dan nombor telefon keluarga.</p> <p>(PF 4.2.6) Menyatakan cara menghindari sumber, tempat dan situasi yang membahayakan seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. alatan elektrik b. benda tajam c. alatan permainan d. melintas jalan raya e. tempat sunyi f. tempat awam <p>(PF 4.2.7) Menunjukkan cara yang betul semasa mengendalikan alatan dan bahan yang berbahaya.</p>
	(PF 4.3) Menjaga kehormatan diri.	<p>(PF 4.3.1) Mengenal anggota sulit iaitu zakar, faraj, dubur, punggung, payudara dan mulut.</p> <p>(PF 4.3.2) Mengenal sentuhan yang selamat dan tidak selamat.</p> <p>(PF 4.3.3) Mengamalkan sikap asertif dengan mengatakan 'tidak', lari dan memberitahu orang dewasa bila menghadapi situasi yang tidak selamat.</p> <p>(PF 4.3.4) Mengetahui cara mengelak diri daripada orang yang tidak dikenali.</p>

TUNJANG: KETRAMPILAN – PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI (PS)

Bidang Pembelajaran Perkembangan Sosioemosi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PS 1.0) Mengurus dan Memahami Emosi Sendiri.	(PS 1.1) Mengenali dan memahami emosi sendiri.	<p>(PS 1.1.1) Menceritakan (Menggunakan komunikasi seluruh) pengalaman yang menggembirakan, menyedihkan, menakutkan dan menimbulkan perasaan marah.</p> <p>(PS 1.1.2) Mengenal pasti jenis-jenis emosi berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Gambar mimik muka b. Mimik muka murid <p>(PS 1.1.3) Menyatakan (Menggunakan komunikasi seluruh) sesuatu yang disukai dan yang tidak disukai.</p>
	(PS 1.2) Mengurus emosi sendiri.	<p>(PS 1.2.1) Membezakan emosi positif dan negatif.</p> <p>(PS 1.2.2) Menyatakan cara menyesuaikan diri dengan keadaan atau situasi baru.</p> <p>(PS 1.2.3) Menyatakan perasaan sendiri kepada orang lain mengenai sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku.</p> <p>(PS 1.2.4) Menyatakan emosi mengikut keperluan.</p>
	(PS 1.3) Mengenali dan memahami emosi orang lain	<p>(PS 1.3.1) Menerima pandangan dan memahami emosi orang lain</p> <p>(PS 1.3.2) Menyatakan perasaan orang lain mengenai sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku</p>

Bidang Pembelajaran Perkembangan Sosioemosi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
		(PS 1.3.3.) Menerangkan (menggunakan komunikasi seluruh) perbezaan emosi antara individu.
(PS 2.0) Mencapai Emosi yang Positif	(PS 2.1) Membina semangat dan sikap yang positif.	<p>(PS 2.1.1) Menunjukkan semangat dan sikap/sifat positif seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - sabar - berdikari - berkeyakinan - unsur kecintaan - perpaduan/kekitaan - tolong-menolong - setiakawan - belas kasihan - empati <p>(PS 2.1.2) Berdoa kepada Tuhan dan mematuhi ajaran agama.</p> <p>(PS 2.1.3) Mematuhi nasihat guru dan ibu bapa.</p>
	(PS 2.2) Berkomunikasi dengan yakin.	<p>(PS 2.2.1) Bertanya (menggunakan komunikasi seluruh) dengan penuh keyakinan.</p> <p>(PS 2.2.2) Bertutur (menggunakan komunikasi seluruh) dengan penuh keyakinan.</p> <p>(PS 2.2.3) Berinteraksi (menggunakan komunikasi seluruh) dengan yakin.</p> <p>(PS 2.2.4) Memberi pendapat.</p> <p>(PS 2.2.5) Menunjukkan kebolehan sendiri (menggunakan komunikasi seluruh) melalui pelbagai kaedah komunikasi seperti lukisan, nyanyian dan lakonan</p>
	(PS 2.3) Membina perwatakan sendiri.	<p>(PS 2.3.1) Menunjukkan potensi diri dengan yakin.</p> <p>(PS 2.3.2) Menghargai dan membina imej diri.</p>
	(PS 2.4) Membina kebolehan mengawal diri.	<p>(PS 2.4.1) Menyempurnakan tugas sendiri tanpa bantuan.</p> <p>(PS 2.4.2) Menyatakan (menggunakan komunikasi seluruh) cara mengawal diri daripada perkara yang tidak boleh dilakukan.</p>

Bidang Pembelajaran Perkembangan Sosioemosi	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
(PS 3.0) Membina Kemahiran Sosial	(PS 3.1) Memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain.	<p>(PS 3.1.1) Menyatakan keperluan orang lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pakaian - Makanan - Tempat perlindungan - Kasih Sayang - Penghargaan <p>(PS 3.1.2) Mengetahui batas hubungan antara murid dengan murid, murid dengan orang lain.</p> <p>(PS 3.1.3) Menyatakan perasaan orang lain melalui bahasa badan yang ditunjukkan.</p> <p>(PS 3.1.4) Menyatakan kelainan dan kepelbagaian dalam masyarakat seperti ; makanan , pakaian , tempat tinggal dan lan-lain) .</p> <p>(PS 3.1.5) Menghormati perasaan dan pandangan orang lain.</p>
	(PS 3.2) Menggunakan kemahiran sosial dalam interaksi. /Membina kemahiran sosial dalam kehidupan seharian	<p>(PS 3.2.1) Berkomunikasi dengan cara yang sopan dan berhemah.</p> <p>(PS 3.2.2) Bertolak ansur dan bekerjasama semasa menjalankan aktiviti.</p> <p>(PS 3.2.3) Menyatakan cara bertimbang rasa terhadap orang lain.</p> <p>(PS 3.2.4) Menghormati hak orang lain dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Meminta izin menggunakan atau meminjam barang orang lain. b. Memulangkan barang selepas meminjam. c. Menjaga keselamatan barang ytang dipinjam. <p>(PS 3.2.5) Menepati masa dan janji.</p>
(PS 4.0) Membina keyakinan untuk menghadapi cabaran dan kehidupan seharian	(PS 4.1) Membina kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah.	<p>(PS 4.1.1) Menggunakan pelbagai cara penyelesaian masalah.</p> <p>(PS 4.1.2) Menggunakan pelbagai cara komunikasi untuk menyelesaikan masalah.</p>